



“AMALAN KORBAN DAN HIKMAHNYA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : إِنَّا أَعْطَيْنَكَ الْكَوْثَرَ ﴿١﴾ فَصَلِّ
لِرَبِّكَ وَأَنْحَرِ ﴿٢﴾ إِنَّ شَانِعَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ ﴿٣﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah SWT,

Saya berpesan buat diri saya dan tuan-tuan sekalian. Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT. dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangannya. Sesungguhnya kita semua adalah hamba-



hamba Allah yang diciptakan untuk memperhambakan diri dan beribadat kepadanya.

Sempena Hari Raya Idul Adha yang akan menjelma, Khutbah pada hari ini memberi kefahaman kepada kita mengenai "**AMALAN KORBAN DAN HIKMAHNYA**".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Bersyukurlah kita kepada Allah SWT. kerana Allah masih lagi memberi kesempatan kepada kita untuk menikmati nikmat hari kebesaran Islam yang akan tiba tidak lama lagi. Marilah kita panjatkan doa agar dipanjangkan umur kita untuk sama-sama mengecapi nikmat Hari kebesaran Islam tersebut. Tidak dilupakan juga kepada saudara kita yang berada di tanah suci Makkah, yang mendapat panggilan seruan haji. Mudah-mudahan dengan konsep amal ibadah yang diamalkan secara berjemaah ia akan menjadi saksi kesatuan umat Muhammad SAW dalam menyahut seruan Ilahi.

Al-Quran telah merakamkan dua peristiwa korban yang melibatkan dua orang anak Nabi Adam iaitu Qabil dan Habil dan selepas itu amalan korban ini juga dilakukan pada era Nabi Ibrahim AS. yang melibatkan Nabi Ibrahim sendiri dengan anaknya Nabi Ismail AS.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah SWT,

Amalan korban telah diperintah dan disunatkan keatas umat Islam agar melaksanakan ibadah korban binatang ternakan yang bertujuan untuk disedekahkan dagingnya kepada fakir miskin semata-mata kerana Allah SWT.

Firman Allah SWT. di dalam surah Al-Hajj ayat 34:



وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا لِيذْكُرُوا أَسْمَ اللَّهِ عَلَىٰ مَا
رَزَقَهُمْ مِّنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ ۗ فَإِذَا هُمْ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يَوْمَئِذٍ
أَسْلَمُوا ۗ وَبَشِّرِ الْمُخْبِتِينَ ﴿٣٤﴾

"Dan bagi tiap-tiap umat, Kami syariatkan ibadat menyembelih korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaan-Nya kepada mereka; binatang-binatang ternak yang disembelih itu. kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat kepadanya; dan sampaikanlah berita gembira (Wahai Muhammad) kepada orang-orang yang tunduk taat".

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah SWT,

Ibadah korban adalah amalan yang amat disukai oleh Rasulullah SAW. dan baginda sentiasa menggalakkan sahabat-sahabatnya melakukan ibadah korban. Hukum melaksanakan ibadah korban adalah sunat muakkad bagi yang berkemampuan. Bagi yang bernazar, hukum melaksanakannya adalah wajib dan haram ke atasnya untuk mengambil sebahagian daripada korbannya. Berdasarkan kepada pandangan ulama mazhab Syafie adalah sunat bagi setiap orang Islam melakukan sekurang-kurangnya sekali dalam seumur hidupnya. Hari pelaksanaan ibadah ini adalah apabila bermulanya selepas solat sunat Idul Adha pada 10 Zulhijjah dan berterusan hingga sebelum Maghrib pada 13 Zulhijjah. Jumhur ulama berpendapat bahawa ibadah korban itu dengan menyembelih binatang al-*an'am*, iaitu binatang jinak yang berkaki empat seperti unta, lembu dan kerbau, kambing biri-biri



dan semua yang termasuk dalam jenisnya, mengikut syarat-syarat yang telah ditentukan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT.,

Menurut hukum asal berkorban bahawa binatang yang hendak dijadikan korban itu adalah sunat disembelih oleh orang yang berkorban itu sendiri, sekiranya dia pandai menyembelih. Walaubagaimanapun boleh juga mewakili kepada orang lain untuk menyembelih binatang korban itu dan ia hadir ketika penyembelihannya.

Hadis daripada Jabir RA. bahawa beliau menceritakan perihal Rasulullah SAW. yang bermaksud :

“Nabi S.A.W telah berkorban dengan 100 ekor unta, 63 ekor daripadanya disembelih oleh baginda sendiri dan 37 ekor lagi diserahkan kepada Saidina Ali bin Abi Talib untuk disembelih.”

(Hadis riwayat Ahmad).

Dua perkara yang perlu dititik beratkan oleh umat Islam dalam ibadah korban ini ialah:

1. Akad jual beli ketika pembelian binatang korban.
2. Mewakilkkan kepada penyembelih untuk melaksanakan penyembelihan korban sekiranya tidak mampu menyembelihnya sendiri.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Untuk menjadikan Ibadah Korban ini diterima di sisi Allah SWT. sebagai amalan yang mulia dan melahirkan sifat taqwa didalam diri seseorang insane, maka syarat utama adalah melaksanakan ibadah tersebut



dengan niat yang ikhlas kerana Allah dan tiada tujuan lain melainkan ingin mendekati diri kepada Allah SWT.

Firman Allah SWT. dalam surah al-Hajj ayat 37 :

لَنْ يَنَالَ اللَّهَ لُحُومُهَا وَلَا دِمَاؤُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ
التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ ۚ كَذَٰلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا اللَّهَ
عَلَىٰ مَا هَدَيْكُمْ ۗ وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٧﴾

"Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepadanya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu. Demikianlah ia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjuk-Nya. dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya".

Dan hadis daripada Aisyah RA. bahawa Rasulullah SAW. telah bersabda yang bermaksud :

"Tiada dibuat oleh anak Adam pada Idul Adha akan sesuatu amal yang lebih disukai Allah daripada menumpahkan darah (menyembelih korban). "Bahawa korban itu datang pada hari kiamat dengan tanduk-tanduknya, bulu-bulunya dan kuku-kukunya. Sesungguhnya darah korban itu mengambil tempat yang mulia di sisi Allah sebelum darah itu tumpah ke bumi, maka hendaklah kamu buat korban itu dengan hati yang bersih."

(Riwayat Ibnu Majah).



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Perlu diingat bahawa daging dan apa juga yang berkaitan dengan haiwan korban itu tidak boleh dijadikan sebagai upah kepada pihak-pihak penyembelih dan petugas. Sepatutnya ibadah korban tersebut mestilah dilaksanakan dengan sebaik mungkin mengikut hukum syarak iaitu diagihkan kepada yang berhak serta lebih tersusun perlaksanaannya, bersih pengurusannya dan ini termasuklah mengambil kira kebajikan haiwan yang hendak dikorbankan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Pengajaran yang dapat dirumuskan daripada khutbah ini adalah;

1. Kita hendaklah menghayati sejarah anak Nabi Adam dalam keikhlasan mematuhi perintah Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah menjadikan ibadah korban ini sebagai pengajaran supaya tidak bersikap sayangkan harta atau kedekut.
3. Umat Islam hendaklah mengeratkan hubungan silaturrahim dikalangan saudara-mara dan ahli kariah melalui ibadah korban.
4. Umat Islam hendaklah menjadikan ibadah korban ini sebagai satu asas untuk mendekatkan diri kepada Allah dan mengagungkannya setiap masa.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
* وَأَتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ ابْنَيْ آدَمَ بِالْحَقِّ إِذْ قَرَّبَا قُرْبَانًا فَتُقْبِلَ
مِنَ أَحَدِهِمَا وَلَمْ يُتَقَبَلْ مِنَ الْآخَرِ قَالَ لَأَقْتُلَنَّكَ قَالَ
إِنَّمَا يَتَقَبَّلُ اللَّهُ مِنَ الْمُتَّقِينَ

"Dan bacakanlah (wahai Muhammad) kepada mereka kisah (mengenai) dua orang anak Adam (Habil dan Qabil) yang berlaku dengan sebenarnya, yaitu ketika mereka berdua mempersembahkan satu persembahan korban (untuk mendampingi diri kepada Allah). lalu diterima korban salah seorang di antaranya (Habil), dan tidak diterima (korban) dari yang lain (Qabil). berkata (Qabil):" Sesungguhnya aku akan membunuhmu!". (Habil) menjawab: "Hanyasanya Allah menerima (korban) dari orang-orang yang bertaqwa".

(al-Maidah : 27).



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ
شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَٰلِجَلَالِ وَإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ
لِلْمُوْظِفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا
لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ اَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ اَعْيُنٍ
وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِيْنَ اِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللّٰهِ، اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَاِيتَايْ ذِي
الْقُرْبٰى وَيَنْهٰى عَنِ الْفَحْشَآءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوْا اللّٰهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوْهُ عَلٰى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاَسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللّٰهِ اَكْبَرُ وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.